

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

T &T Snack Shop (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Labuan bagi satu pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(c) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menggunakan elektrik, iaitu dengan membuat sambungan pintasan meter elektrik milik SESB ke kotak agihan. Pada 7 Mei 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan Mahkamah Sesyen Labuan telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 jika gagal bayar, 6 bulan penjara. OKS telah membayar denda tersebut.